

Perasmian Galeri Proton Jumaat

UUM - 21/3/2008

ALOR STAR 20 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan Galeri Proton di Kolej Kediaman Proton Universiti Utara Malaysia (UUM), Jumaat ini.

Galeri yang terletak di pejabat kolej itu akan dibuka untuk kunjungan warga kampus dan mereka yang berminat dengan sejarah kereta nasional.

Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), Prof. Madya Dr. Mustapa Kassim berkata, galeri itu diwujudkan bagi menghargai kepimpinan Dr. Mahathir dalam menjana ekonomi negara.

"Kesungguhan beliau yang juga penasihat Proton mengangkat martabat negara ini ke taraf dunia memang tidak dapat dipertikaikan lagi," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Galeri tersebut berfungsi sebagai pusat maklumat mengenai sejarah, kemajuan dan perkembangan industri automobil negara.

Sempena majlis tersebut, syarikat kereta nasional itu turut menyediakan hadiah menarik serta menganjurkan perlawanan bola sepak, ceramah, wayang kulit, pertandingan mewarna dan bengkel temu duga kepada para pengunjung sehingga 26 Mac ini.

Sementara itu 15 buah teksi Proton akan mengiringi Dr. Mahathir dari Changlun ke UUM.